



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 14 SEPTEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MAFI BUAT PERSIAPAN AWAL HADAPI MUSIM TENGGUJUH, NASIONAL, SH -10 MAFI BELANJA RM3 JUTA ATASI 'PENYAKIT TANAMAN', NASIONAL, SH -7 KERAJAAN SEDIA RM3 JUTA UNTUK ATASI PEROSAK, PENYAKIT TANAMAN, NEGARA, KOSMO -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4.	JUALAN AGRO MAKANAN, FAMA PAHANG RAIH RM150,000, MALAYSIA MSN -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5. 6. 7.	ONE-STOP QUARANTINE CENTRES TO BEEF UP BIOSECURITY, NATION, THE STAR -10 MAIWP LANCAR BIJAKTANI HIDROPONIK ASNAF, NEGERI, SH -25 ISU PENGAIRAN, BANJIR BELENGGU 50 PESAWAH PAYA KANGSAR, DALAM NEGERI, UM -32	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/9/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	10

MAFI buat persiapan awal hadapi musim tengkujuh

TANJONG KARANG - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) membuat persediaan awal bagi menghadapi musim tengkujuh hujung tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, pemantauan berterusan dilakukan di kawasan berisiko tinggi selain meningkatkan penyenggaraan aset sedia ada.

"Kita turut mengarahkan kawasan terusan utama dan pengairan sawah

diselenggara sepenuhnya bagi mengelakkan saluran tersumbat," katanya pada sidang akhbar selepas Seminar Peningkatan Hasil Padi Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor di Institut Pengurusan Peladang (IPP) Tanjong Karang di sini pada Selasa.

Ahmad berkata, semua pam air juga perlu diselenggara dan berfungsi dengan baik bagi memudahkan pembuangan air ke parit jika banjir melanda kawasan sawah.

"Langkah-langkah ini perlu dilakukan segera dan tidak perlu menunggu sehingga banjir melanda baru kita hendak buat persediaan," ujar beliau.

Dalam pada itu, katanya, penjadualan semula bekalan air di IADA Barat Laut Selangor akan dilaksanakan sepenuhnya bermula awal Januari tahun depan.

Jelas beliau, penjadualan semula bekalan itu membabitkan empat Kawasan Perkhidmatan Pengairan (ISA) 1 hingga ISA 4 seluas 19.8 hektar.

MAFI belanja RM3 juta atasi 'penyakit tanaman'



Ronald (dua dari kiri) ketika melawat ruang pameran pada program Simposium Biosekuriti Tumbuhan 2022 di Seremban pada Selasa.

SEREMBAN - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Pertanian telah membelanjakan sekurang-kurangnya RM3 juta setahun dari tahun 2010 hingga kini bagi memperkukuh Program Pengurusan Perosak dan Penyakit Tanaman.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiarandee berkata, laporan di seluruh dunia merekodkan hampir 40 peratus tanaman makanan musnah akibat serangan perosak serta penyakit tumbuhan setiap tahun dan Malaysia juga tidak terkecuali dalam menghadapi fenomena ini.

"Kemerebakkan atau *outbreak* perosak dan penyakit ini melibat-

kan kos yang besar kepada kerajaan dari segi pengurusan dan program penghapusannya.

"MAFI melalui Jabatan Pertanian yang juga sebagai sebahagian daripada Organisasi Perlindungan Tumbuhan Kebangsaan (National Plant Protection Organization, NPPO) sentiasa berusaha untuk memastikan usaha pelaksanaan biosekuriti tanaman dan tumbuhan sentiasa menjadi keutamaan dalam memacu usaha ke arah pertanian yang lebih mampan," katanya ketika merasmikan Simposium Biosekuriti Tumbuhan Tahun 2022 di sini pada Selasa.

Ronald berkata, kerajaan juga

akan mempertingkatkan kawalan dan penguatkuasaan di sempadan khususnya di pintu masuk negara bagi memastikan keselamatan makanan, kawalan penyakit serta risiko kemasukan perosak berbahaya dapat dibendung serta dikawal.

"Dalam hal ini, Jawatankuasa Sekuriti Makanan Negara secara dasar telah bersetuju dengan wujudan Pusat Sehentil Kuarantin Negara (One Stop Quarantine Centre - OSQC) di pintu masuk utama pengimportan dan pengeksportan hasil pertanian dan agromakanan negara bagi terus memperkukuhkan kawalan biosekuriti," kata beliau.

Kerajaan sedia RM3 juta untuk atasi perosak, penyakit tanaman

SEREMBAN – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) melalui Jabatan Pertanian telah membelanjakan kira-kira RM3 juta setahun bagi mengurus dan mengatasi masalah perosak serta penyakit tanaman di negara ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiang berkata, jumlah itu terpaksa ditanggung oleh kerajaan dalam tempoh lebih sedekad lalu sejak 2010 sehingga kini.

"Laporan di seluruh dunia merekodkan, hampir 40 peratus tanaman makanan musnah akibat serangan perosak dan penyakit tumbuhan setiap tahun dan Malaysia juga tidak terkecuali dalam menghadapi fenomena ini.

"Pemerebakan atau 'outbreak' perosak dan penyakit ini melibat kerajaan dari segi pengurusan dan program penghapusannya," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Simposium Biosekuriti Tumbuhan Tahun 2022 bertemakan 'Pemeriksaan Biosekuriti Tumbuhan 2022' di sini semalam.

Ronald berkata, isu biosekuriti pada masa kini lebih terdedah kepada kemasukan perosak baharu dan pergerakan perosak



RONALD (tengah) mendengar penerangan daripada peserta yang terlibat pada Simposium Biosekuriti Tumbuhan di Seremban semalam.

rentas sempadan akibat perubahan iklim dengan cuaca yang ekstrem serta pelbagai aktiviti manusia yang mengubah ekosistem setempat.

Menurut Ronald, Kementerian melalui Jabatan Pertanian yang juga sebagai sebahagian dari pada Organisasi Perindungan Tumbuhan Kebangsaan (NPPO) sentiasa berusaha memastikan usaha pelaksanaan biosekuriti tanaman dan tumbuhan sen-

tiasa menjadi keutamaan dalam memacu usaha ke arah pertanian yang lebih mampan.

Jelas beliau, pelaksanaan program pengurusan perosak bersepadu dalam dalam rantaian pengeluaran makanan, penggunaan racun perosak secara terkawal dan pengurusan sumber tanah yang berkesan juga adalah amat penting dalam biosekuriti tanaman seterusnya meningkatkan hasil serta kualiti.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/9/2022	MALAYSIA MSN	ONLINE	

Jualan Agro Makanan, FAMA Pahang raih RM150,000

KUANTAN - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang mencatat jualan hampir RM150,000 melalui penganjuran program Jualan Agro Makanan yang membabitkan 23 usahawan dari dalam dan luar negeri ini.



Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli ditemani Saiful (kanan) ketika melawat program Jualan Agro Makanan di sebuah pusat beli-belah di Kuantan. © Provided by Sinar Harian

Pengarahnya, Saiful Safri berkata, kutipan itu berjaya diraih apabila lebih 12,000 pengunjung hadir mendapatkan pelbagai produk pertanian dan industri kecil sederhana (IKS) pada harga berpatutan.

"Kita berpuas hati dengan kutipan hasil jualan daripada pengunjung walaupun pada mulanya menasarkankan kutipan RM200,000 sepanjang tiga hari berlangsungnya program jualan itu.

"Jadi ini secara tidak langsung membuka ruang pasaran lebih besar kepada para usahawan dalam sektor pertanian, perladangan dan sebagainya untuk meningkatkan penjana pendapatan," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Beliau menjelaskan juga FAMA telah mengadakan program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) fasa pertama di lapan daerah di negeri ini dalam tempoh sembilan bulan tahun ini.

Katanya, daerah terbabit ialah Pekan, Rompin, Bera, Kuantan, Lipis, Jerantut, Bentong dan Maran.

"Program sama selepas ini di Raub, Cameron Highlands dan Temerloh.

"Kita akan memastikan hingga akhir tahun ini semua daerah selesai mengadakan program JTDL dan jika keadaan mengizinkan fasa kedua program berkenaan akan dimulakan awal tahun depan," kata beliau.

Saiful memaklumkan, program JTDL memasarkan pelbagai barangan keperluan harian seperti sayuran, buah-buahan, ikan dan daging segar yang dijual dengan harga berpatutan oleh usahawan tempatan.

Menurutnya, program JTDL yang diadakan sebelum ini mendapat sambutan menggalakkan daripada pengguna yang ingin mendapatkan barangan murah.

"Setiap kali penganjuran JTDL, kita dapati antara 1,000 hingga 2,000 pengunjung datang bagi mendapatkan barangan keperluan," kata Saiful lagi.

One-stop quarantine centres to beef up biosecurity

SEREMBAN: One-stop quarantine centres (OSQC) will be set up at all entry points to beef up the biosecurity and safety of food imported into the country, says Datuk Seri Dr Ronald Kiang.

The Agriculture and Food Industries Minister said the Cabinet had agreed to set up the country's first OSQC in Port Klang, which will be armed with the latest equipment to ensure no diseases or pests were brought into the country.

"We need to be as good as other countries such as Australia which have introduced very high standards.

"At present, we have Malaysian Quarantine and Inspection Services or Maqis doing this but we need additional manpower and more sophisticated equipment to be more effective.

"That is why the National Food Security Committee has decided to set up the first OSQC in Port Klang

and our long-term plan is to have such centres at all the country's entry points," Kiang said after launching the 2022 Plant Biosecurity Symposium here yesterday.

The proposed OSQC will have several functions which include virus/microorganism detection, disinfection process, quarantine certification and prevention of illegal activities.

In his speech earlier, Kiang

said there was a pressing need to effectively check the entry of new pests and the movement of transboundary pests due to climate change and various human activities that could change the local ecosystem.

He said there was also a need to improve the country's preparedness in the face of biosecurity threats by ensuring the importation of plants and plant products was continuously monitored.

This, he said, was to ensure that pests and diseases that could threaten food crops did not enter the country and adversely affect the country's agro-food sector.

Separately, Kiang said all states had been told to assist agriculture and livestock farmers in the event of floods.

He said many suffered huge losses during the monsoon periods previously and efforts would be taken to help them.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/9/2022	SINAR HARIAN	NEGERI	25

MAIWP lancar Bijaktani Hidroponik Asnaf



Idris (dua dari kanan) bersama Mohd Daud (dua dari kiri) dan Mohd Nizam (kanan) pada majlis penyerahan cek-cura berjumlah RM556,220 untuk PPR Pinggiran Bukit Jalil 2 kepada Shamsudin (kiri).

BUKIT JALIL – Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) melancarkan Bijaktani Hidroponik Asnaf MAIWP di PPR Pinggiran Bukit Jalil 2 pada Selasa, bagi membangunkan ekonomi golongan asnaf di Wilayah Persekutuan.

Pelancaran itu memberi peluang kepada asnaf di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR) merasai pengalaman bertani secara moden, di samping menjana pendapatan daripada hasil pertanian seterusnya melahirkan usahawan tani yang berdaya saing.

Majlis dilancarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Idris Ahmad yang turut menyampaikan replika cek cura berjumlah RM556,220 kepada Pengerusi PPR Pinggiran Bukit Jalil 2,

Shamsudin Shah Saad serta sijil penyertaan kepada asnaf yang terlibat dalam penanaman hidroponik.

Seramai 30 asnaf telah pun memulakan projek perintis tanaman hidroponik iaitu kangkung, sawi, sawi putih, salad bayam dan kailan.

MAIWP turut meluaskan penanaman hidroponik kepada lima buah PPR di sekitar Wilayah Persekutuan iaitu PPR Taman Mulia, PPR Seri Alam, Parlimen Cheras, PPR Raya Permai, Parlimen Bandar Tun Razak, PPR Hiliran Ampang dan PPR Batu Muda.

Hadir sama, Pengerusi MAIWP, Tan Sri Mohd Daud Bakar; Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Mohd Nizam Yahya dan wakil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Ismadi Sakirin serta wakil-wakil persatuan penduduk.

14/9/2022

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

32

Isu pengairan, banjir belunggu 50 pesawah Paya Kangsar

Oleh **HARIS FADILAH AHMAD**
utusannews@mediatulia.com.my

JERANTUT: Hasrat 50 pesawah memulihkan semula tanah sawah terbiar seuas kira-kira 200 hektar terbantut berikutan masalah pengairan, banjir dan beberapa isu penyelenggaraan kawasan di Paya Kangsar, Pulau Tawar di sini.

Rata-rata pengusaha berharap kerajaan tidak lepas tangan dalam soal pemuliharaan sawah di situ terutamanya dalam sistem pengairan dan pembinaan saliran air, penyelenggaraan kawasan seperti membina pagar dan batas ban untuk menghalang pencerobohan kerbau serta kemudahan-kemudahan lain.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pesawah, Rosman Hussain, 54, berkata, setelah 50 tahun terbiar begitu sahaja, kawasan sawah terbabit mula dipulihkan sejak dua bulan lalu berikutan generasi baharu di Pulau Tawar mahu mencapai impian untuk menanam padi sebagai usaha memenuhi dasar sekuriti makanan selain menyara ahli keluarga.



TIGA pesawah menunjukkan kawasan yang akan dipulihkan untuk tanam padi tetapi mengalami kekurangan kewangan dan kemudahan di Paya Kangsar, Pulau Tawar di Jerantut, Pahang. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

“Pesawah di sini bertekad dengan mengumpul wang hampir RM50,000 untuk menyewa jentera pembajak, pembelian jentera pengepam, benih padi, serta kerja pengurusan lain.”

“Kami bimbang benih padi yang mula tumbuh di beberapa

kawasan di sini akan ditenggelami air selepas hujan lebat berikutan tidak ada sistem saliran dan batas yang sempurna bagi memudahkan aliran air keluar ke tempat lain,” katanya di sini semalam.

Seorang lagi pesawah, Mohd. Lofi Jamaluddin, 50, berkata,

selain kawasan tanaman padi mudah ditenggelami air, terdapat kira-kira 50 hektar sawah lagi masih tidak mendapat saliran air yang secukupnya menyebabkan sehingga kini benih masih belum ditanam.

“Tiada bekalan air dari Sungai Pahang ke kawasan ini,” ujarnya.